

'Saya tidak pernah duduk Seri Perdana'

UM - 2/10/2021 ml: 3

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan keputusan membaik pulih Seri Perdana dibuat untuk memulihara bangunan milik kerajaan yang menjadi lambang institusi ketua kerajaan dan imej negara ini kepada keadaannya yang asal.

Beliau berkata, sekiranya ia tidak dibaik pulih, bangunan warisan kerajaan itu akan rosak lebih teruk dan kos membaik pulih turut meningkat.

Menurut beliau, bagi memastikan proses baik pulih dilaksanakan mengikut spesifikasi ditetapkan dengan hasil berkualiti, kerja-kerja tersebut dipantau sebuah pasukan petugas dianggotai pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perdana Menteri (JPM)

“Saya percaya Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perdana Menteri yang terlibat secara langsung membaik pulih Seri Perdana mempunyai maklumat terperinci berhubung pelaksanaan projek ini.

“Selaras dengan prinsip ketelusan dan integriti yang diamalkan kerajaan, jabatan yang berkenaan boleh tampil untuk memberikan penjelasan kepada orang ramai berkenaan perkara ini.

“Untuk rekod, saya tidak pernah menduduki Seri Per-



TAN SRI Muhyiddin Yassin tampil menjelaskan kerja-kerja membaik pulih Seri Perdana di Putrajaya sebagai telus dan diperlukan.

dana sepanjang saya berkhidmat sebagai Perdana Menteri,” katanya dalam kenyataan semalam.

Muhyiddin berkata demikian sebagai penjelasan berhubung kerja-kerja membaik pulih Seri Perdana yang dilu-

luskan semasa pentadbiran beliau.

Menurut Muhyiddin, semasa beliau mula menjawat jawatan Perdana Menteri pada bulan Mac 2020, beliau menerima laporan daripada JPM berhubung kerosakan fizikal Seri

Perdana yang merupakan kediaman rasmi Perdana Menteri.

Katanya, kerosakan itu melibatkan kebocoran, sistem pencahayaan yang lama dan keadaan fizikal lantai dan bumbung yang telah rosak atau usang.